



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 4 / 2021

SPR PAMER RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN SUKU TAHUN PERTAMA TAHUN 2021

1. SPR akan melaksanakan urusan pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) bagi ST1/2021 selama 14 hari mulai **28 April hingga 11 Mei 2021** di **908 tempat pameran RDPT ST1/2021** di seluruh negara.
2. RDPT ST1/2021 ini mengandungi **52,382** permohonan pendaftaran pemilih baru daripada warganegara yang layak dan **19,679** permohonan pertukaran bahagian pilihan raya daripada pemilih berdaftar yang telah memohon dalam tempoh antara 1 Januari hingga 31 Mac 2021.
3. Semakan RDPT ST1/2021 boleh dibuat melalui beberapa kaedah semakan seperti berikut:
 - (a) Hadir ke 908 tempat pameran RDPT ST1/2021 di seluruh negara dan mengimbas Kod QR bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen yang diletakkan; atau
 - (b) Melayari portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri (Rujuk Lampiran A);

- (c) Hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan dan menyemak buku RDPT ST1/2021 yang disediakan; atau
 - (d) Melayari portal rasmi SPR di <https://pengundi.spr.gov.my/> atau membuat semakan melalui aplikasi MySPR Semak.
4. Semua pemohon dinasihatkan untuk menyemak nama mereka dalam RDPT ST1/2021. Sekiranya pemohon mendapati namanya tidak disenaraikan dalam RDPT ST1/2021, mereka boleh membuat TUNTUTAN melalui Borang B.
 5. Bagi pemilih-pemilih berdaftar di satu-satu bahagian pilihan raya yang hendak membuat BANTAHAN ke atas kemasukan nama mana-mana orang di dalam RDPT ST1/2021 dalam satu-satu bahagian pilihan raya, boleh berbuat demikian, dengan mengisi Borang C.
 6. Borang B dan Borang C boleh dimuat turun dari portal Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri dan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pemilih (Pengarah Pilihan Raya Negeri) bagi kawasan pendaftaran yang berkenaan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja sepanjang tempoh pameran RDPT itu diadakan.
 7. Semasa tempoh Pameran RDPT ST1/2021, SPR juga mempamerkan nama-nama pemilih yang akan dikeluarkan daripada daftar pemilih kerana telah meninggal dunia atau hilang taraf kewarganegaraan atau apa-apa sebab berdasarkan kepada Peraturan 10 dan 25(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002.

8. Sebarang pertanyaan mengenai pameran RDPT ST1/2021 boleh menghubungi talian *hotline* SPR di 03-8892 7018 atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Sekian, terima kasih.

DATUK IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 27 April 2021 / 15 Ramadhan 1442H

Lampiran A

PORTAL RASMI PEJABAT-PEJABAT PILIHAN RAYA NEGERI

BIL.	TEMPAT	PORTAL
1.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Perlis	http://ppn.spr.gov.my/perlis
2.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah	http://ppn.spr.gov.my/kedah
3.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Kelantan	http://ppn.spr.gov.my/kelantan
4.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Terengganu	http://ppn.spr.gov.my/terengganu
5.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang	http://ppn.spr.gov.my/ppinang
6.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak	http://ppn.spr.gov.my/perak
7.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Pahang	http://ppn.spr.gov.my/pahang
8.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor	http://ppn.spr.gov.my/selangor
9.	Pejabat Pilihan Raya Negeri W.P Kuala Lumpur	http://ppn.spr.gov.my/kualalumpur
10.	Pejabat Pilihan Raya Negeri N. Sembilan	http://ppn.spr.gov.my/nsembilan
11.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Melaka	http://ppn.spr.gov.my/melaka
12.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor	http://ppn.spr.gov.my/johor

BIL.	TEMPAT	PORTAL
13.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah	http://ppn.spr.gov.my/sabah
14.	Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak	http://ppn.spr.gov.my/sarawak

MAKLUMAT TAMBAHAN

JUMLAH TEMPAT-TEMPAT PAMERAN RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN (RDPT) SUKU TAHUN PERTAMA TAHUN 2021

BIL.	TEMPAT	JUMLAH
1.	Pejabat Pilihan Raya Negeri	15
2.	Pejabat Pos	403
3.	Kompleks/ Pejabat Kerajaan	84
4.	Pejabat Daerah/ Pejabat Tanah	170
5.	Majlis Daerah/ Perbandaran	64
6.	Dewan Serbaguna/ Rukun Tetangga/ Balai Raya/ Pejabat Penghulu/ Dewan	155
7.	Tempat-tempat lain	17
	JUMLAH	908